



Merakyatkan Membangun Bersama Islam

Firman Allah yang bermaksud : Berkata Nabi Sulaiman, "Wahai Tuhanku! ampunkanlah kesilapanku, dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak ada taranya, Sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa melimpah kurnia. Lalu Kami permudahkan permohonannya dan Kami mudahkan baginya menggunakan angin yang bertiup perlahan-lahan menurut kemahuannya, kearah mana sahaja yang dikehendaki.
(Surah Shod: 35-36)

ms | 4

MENARIK DI DALAM

- 8 | Kursus Kefahaman Dasar MMBI
- 10 | Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI)
- 14 | Kebersihan Itu Indah





TINTA PENGERUSI

"Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua-dua sayapnya, melainkan umat seperti kamu. Tiadalah kami alpakan sesautu pun di dalam al-Kitab, kemudian kepada Tuhanlah mereka dihimpunkan."
(Surah al-An'am ayat 38)

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam keatas junjungan yang mulia, Nabi Muhammad SAW, seluruh keluarga dan para sahabat Baginda.

Alhamdulillah, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan merangkap Pengerusi Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) memanjatkan kesyukuran kepada Allah atas inayahNya sehingga IPTG berjaya menghasilkan dan menerbitkan Buletin IPTG ini buat kali kedua bagi tahun 2019.

Saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga IPTG khususnya pasukan redaksi Buletin IPTG yang bertungkus-lumus sehinga berjaya menerbitkan Buletin ini.

Bersempena dengan Tahun 2020 dan 30 Tahun Kelantan mendasari Membangun Bersama Islam (MBI), kita perlu bersedia berhadapan dengan harapan rakyat yang tinggi dalam berhadapan kepesatan teknologi maklumat yang memerlukan anjakan paradigma oleh semua peringkat bagi memastikan setiap agenda rakyat dapat menghasilkan input yang maksimum.

Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2020 kepada semua warga IPTG dan seluruh rakyat Kelantan. Marilah sama-sama kita berdoa dan terus berganding bahu menghadapi cabaran yang bakal kita harungi pada masa akan datang.

Harapan dan doa saya semoga Allah SWT memelihara dan memberkati Kerajaan Negeri Kelantan dalam mendasari Merakyat Membangun Bersama Islam dan semoga negeri Kelantan kekal dibangunkan dengan panduan syariah. Terima Kasih sekali lagi kepada seluruh warga IPTG yang telah memberi khidmat yang berterusan kepada pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat. Sekian, Wassalam.

Raja Berdaulat, Rakyat Muafakat, Negeri Berkat
Membangun Bersama Islam- Kelantan Menerajui Perubahan

YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, DJMK, SJMK, Kelantan
(Dato' Bentara Kanan)
Menteri Besar Kelantan
Merangkap Pengerusi Ahli Lembaga
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia



DARI MEJA PENGARAH

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT dan salam selawat untuk Junjungan Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarganya dan sahabat-sahabat baginda kerana kita masih lagi dapat bersama Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) bagi meneruskan kesinambungan tanggungjawab yang diamanahkan untuk membantu Kerajaan Negeri Kelantan di bawah kepimpinan YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Bin Yakob selaras dengan objektif IPTG iaitu mengembangkan dasar Membangun Bersama Islam (MBI).


Dengan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh pasukan redaksi penerbitan Buletin IPTG yang telah berjaya menerbitkan Buletin IPTG bilangan kedua bagi tahun 2019. Buletin ini memaparkan aktiviti-aktiviti dan program-program melibatkan IPTG sepanjang tahun 2019 ini. Justeru itu saya berharap IPTG dapat meneruskan penerbitan buletin berkala pada tahun seterusnya 1441H/ 2020M.

Disamping itu juga, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana diberi kesihatan yang baik untuk memikul tanggungjawab dengan merancang dan melaksanakan pelbagai program sepanjang tahun 2019 dan ini merupakan satu nikmat yang tidak ternilai harganya.

Saya juga amat berharap di tahun 2020 nanti, seluruh warga IPTG akan terus berganding bahu untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh rakyat Kelantan khususnya. Di kesempatan ini saya mengucapkan selamat menyambut tahun baru 2020 dan bersempena 30 tahun Membangun Bersama Islam (MBI) semoga Allah menerima dan memberkati amalan daripada kita semua dan memasukkan kita dalam kalangan orang yang beriman dan berjaya.

Sekian, Wassalam.

Dato' Dr. Johari Bin Mat, D.P.S.K (Kelantan)
Pengarah
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia





BIL. 2/2019 | DISEMBER 2019

SIDANG REDAKSI

Penaung

YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz
Dato' Haji Ahmad Bin Yakob

Penasihat

Dato' Dr. Johari Bin Mat

Penyelaras

Mohd Hafizi Bin Mahadi

Ketua Pengarang

Nurliyana Binti Ahmed

Sidang Pengarang

Siti Nur Amirah Binti Fauzi
Norshafinaz Binti Nazarudin

Editor

Ahmad Fathi Bin Yusof

Jurufoto

Ahmad Hakim Baihaqi Bin Suhaimi

Pereka Grafik

Mohd Azimi Hashim

Percetakan

Touch Jet Enterprise
No 184, Perumahan PKINK (Hadapan Flat C Jln Bayam)
Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu,
Kelantan Darulnaim

Alamat Surat Menyurat :

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan
Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu, Kelantan
Portal Rasmi : iptg.my
Email : iptgkelantan@yahoo.com
Facebook : Institut Pemikiran Tok Guru
IG : iptg_official



Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana isi kandungan buletin termasuk artikel, ilustrasi dan foto dalam apajua bentuk dan apa jua cara, tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)



Senarai Kandungan

02	Tinta Pengerusi
03	Dari Meja Pengarah
04	Sidang Redaksi
04	Senarai Kandungan
05	Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI)
07	Doa Mula dan Akhir Kerja
08	Berita Aktiviti IPTG
10	Rencana
12	Kursus Pemeraksanaan Dakwah Halaqat
14	Tazkirah : Kebersihan Itu Indah
16	Berita Aktiviti IPTG
18	Sana Sini IPTG
21	Galeri Foto
24	Tahun Melawat Kelantan 2020

Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI)



matlamat ini, maka Visi MMBI ialah menyebarkan dasar Membangun Bersama Islam untuk difahami, diterima, dihayati dan diamalkan secara meluas dalam kalangan rakyat Kelantan. Sementara misi MMBI ialah menggerakkan agensi kerajaan melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan semua lapisan rakyat mempunyai pengetahuan, kefahaman, penerimaan, penghayatan dan pengamalan yang selari dengan prinsip Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan dan bermottokan "Kebekatan, Kemakmuran dan Kebajikan semua rakyat".

Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) merupakan kesinambungan daripada dasar Membangun Bersama Islam yang telah diasaskan oleh Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat sejak tahun 1990 ketika beliau dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan. Kekuatan dasar ini adalah meletakkan gaya pentadbiran yang berlandaskan Islam. Beliau mengambil tanggungjawab untuk memastikan dasar ini dijadikan panduan didalam semua aspek pentadbiran dan pembangunan. Hasilnya, fasa pertama pentadbiran Islam di Kelantan telah berjaya ditempuh iaitu selama 23 tahun bermula 1990 sehingga 2013. Legasi kepimpinan beliau telah disambung oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Bin Yakob dan terus melangkah ke fasa kedua bermula pada tahun 2013 sehingga kini. Sehubungan perantaraan beliau sebagai Menteri Besar, beliau mahukan dirangka satu perancangan agar "memasyarakatkan" dasar Membangun Bersama Islam secara menyeluruh, demi melihat kadar penerimaan dan penghayatannya meningkat dalam kalangan warga negeri Kelantan. Maka termasyhurlah dasar "Merakyatkan Membangun Bersama Islam".

Matlamat Merakyatkan Membangun Bersama Islam adalah bertujuan mendidik masyarakat agar bersikap 'mesra' dengan dasar Membangun Bersama Islam, lantas 'komited' kepada semua usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi memenuhi

Fasa kedua ini dimulai dengan satu pelan strategik yang dinamakan Pelan Strategik Merakyat Membangun Bersama Islam yang telah dilancarkan pada 6 Mei 2014 bagi memastikan pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam bagi penggal keenam bagi tempoh lima tahun berjalan dengan cemerlang (2014-2018). Pelbagai agensi Kerajaan Negeri Kelantan berperanan penting bagi menjayakan visi dan misi MMBI ini. Kandungannya berupa program, projek dan aktiviti yang disusun di bawah tujuh mercu tanda pelan strategik berupa objektif bagi memenuhi matlamat merakyatkan "mendidik" masyarakat agar bersikap 'mesra' dengan dasar Membangun Bersama Islam' lantas 'komited' kepada segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Tujuh Mercu Tanda itu ialah:

- Amalan Kebersihan
- Menyempurnakan Solat
- Pembangunan Pendidikan
- Menyuburkan Kebudayaan dan Keseniaan
- Menangani Gejala Sosial
- Menerajui Pembangunan Ekonomi Islam
- Penyelidikan dan Penilaian

Ketujuh mercu tanda ini merupakan teras Kejayaan dasar Membangun Bersama Islam.



Salah Satu daripada tujuh mercu tanda kepada pelan strategik MMBI ialah Amalan Kebersihan. Langkah pertama untuk menjayakan mercu tanda ini ialah dengan mewujudkan Kelantan Bersih (Kelantan Go Green). Keduanya, dengan melahirkan masyarakat cakra kebersihan. Banyak program dan aktiviti yang telah dianjurkan, antaranya ialah Pelancaran Kelantan Bersih 2015 ataupun PBT Bersih 2015. Selain itu, pelbagai kempen telah diadakan seperti Kempen Kelantanku Bersih dengan moto "Jupo Sapoh, Kutip-Jange Tohok Koksey".

Sepanjang meneruskan kepimpinan berteraskan dasar Rakyat Membangun Bersama Islam ini, beliau telah membuat banyak tindakan dan pembaharuan bagi tujuan untuk memperkasakan lagi pentadbiran dan pembangunan di negeri Kelantan. Antara pembaharuan adalah:

- Menubuhkan Majlis Penasihat Ekonomi Negeri (MPEN) yang dianggotai oleh sembilan orang pakar ekonomi, ilmuwan dan ahli teknokrat.
- Mewujudkan Unit Pelaksanaan dan Pemantauan Strategik Negeri Kelantan (SPARK) yang diterajui oleh Menteri Besar sendiri.
- Menubuhkan Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG).
- Membuat penambahbaikan dalam PAC (Public Account Committee) dan meminta PAC Kelantan melaksanakan fungsi hisbah dengan pendekatan yang tegas dan berkesan.
- Mewujudkan portfolio hubungan seranta dibawah Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta bagi membolehkan penyaluran maklumat Kerajaan Negeri dipercepatkan menerusi pusat-pusat aktiviti Kelantan di luar negeri.

- Memperuntukkan RM 1 juta dalam bajet 2014 dan seterusnya 2015 untuk persiapan dan beberapa gerak kerja persediaan pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (KJS) di Kelantan.
- Mewajibkan kepada Pegawai Tadbir Negeri menyertai Program Diploma Tasawwur Islam.
- Menubuhkan sekolah baru berkonsepkan asrama penuh yang dibina di Pengkalan Chepa dan perletakan batu asas telah disempurnakan pada 6 Februari 2014 yang lalu.
- Memperuntukkan melalui program Kerusi Tok Kenali sejumlah bajet bagi membiayai pelajar terpilih yang akan menyambung ke peringkat Doktor Falsafah dibidang yang akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri.
- Memprogramkan hari 'Mabit' sempena mabit di Muzdalifah bagi menghayati 'ibrah (pengajaran) dari mabit yang berlaku dalam sejarah hidup Rasulullah SAW.



Doa Untuk Memudahkan Sebarang Urusan

اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا،
وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلًا

Maksudnya : **Ya Allah, tiada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikan sebagai kemudahan. Dan Engkaulah yang menjadikan perkara yang sukar itu jika Kamu kehendaki dengan kemudahan.**

(Riwayat Sahih Ibnu Hibban)



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MMBI DALAM PROFESIONALISME PIHAK BERKUASA TEMPATAN SELURUH NEGERI KELANTAN



Gua Musang



Ketereh

1 PBT Daerah Gua Musang

Kursus Kefahaman Dasar MMBI dalam profesionalisme Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Daerah Gua Musang bagi kumpulan kedua telah diadakan pada 21 Jamadil Akhir 1440H bersamaan 26 Februari 2019. YBrs. Ustaz Abdullah Bin Mohamad menyampaikan ceramah bagi sesi tersebut. Kursus ini telah dihadiri oleh 50 orang PBT manakala kursus MMBI PBT Daerah Gua Musang bagi Kumpulan Ketiga juga telah diadakan pada 3 Syaaban 1440H bersamaan 9 April 2019. Penceramah bagi sesi tersebut ialah YBrs. Ustaz Suratemi Bin Mat Yusoff dan kursus disertai oleh 60 orang PBT. Kedua-dua kursus ini telah diadakan di Dewan Majlis Daerah Gua Musang.

2 PBT Daerah Ketereh

Kursus Kefahaman Dasar MMBI dalam profesionalisme Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Daerah Ketereh diteruskan bagi kumpulan kedua pada 7 Jamadil Akhir 1440H bersamaan 12 Februari 2019. Kursus ini telah dihadiri oleh 43 orang PBT. Kursus ini diteruskan lagi bagi kumpulan ketiga pada 14 Jamadil Akhir 1440H bersamaan 19 Februari 2019. Kursus dihadiri oleh 44 orang PBT dan ceramah bagi kedua-dua sesi tersebut telah disampaikan oleh YBrs. Ustaz Saibon Bin Ismail.

3 PBT Daerah Machang

Kursus Kefahaman Dasar MMBI dalam profesionalisme Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Daerah Machang bagi kumpulan pertama telah diadakan pada 6 Zulhijjah 1440H bersamaan 7 Ogos 2019 manakala kumpulan kedua pada 13 Zulhijjah 1440H bersamaan 14 Ogos 2019. Kursus ini telah disertai oleh 50 orang PBT bagi kumpulan pertama manakala 60 orang PBT bagi kumpulan kedua. Ceramah bagi kedua sesi ini telah disampaikan oleh YABhg Dato' Dr. Johari Bin Mat.



Machang

4 PBT Daerah Tanah Merah

Kursus Kefahaman Dasar MMBI dalam profesionalisme Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Daerah Tanah Merah bagi kumpulan kedua telah diadakan pada 3 Jamadil Awal 1440H bersamaan 9 Januari 2019. Ceramah telah disampaikan oleh YBrs. Ustaz Saibon Bin Ismail sepanjang kursus dan seramai 24 orang PBT telah menyertai kursus tersebut.



Tanah Merah



MPKB-BRI

5 PBT MPKB-BRI

Kursus Kefahaman Dasar MMBI dalam profesionalisme Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) bagi kumpulan ketiga telah dilaksanakan pada 21 Jamadil Akhir 1440H bersamaan 26 Februari 2019. Kursus ini telah dihadiri oleh 70 orang PBT. Sesi ceramah selama dua jam telah disempurnakan oleh YBrs Ustaz Suratemi Bin Mat Yusoff.

MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Bahagian II

Sejarah Pentadbiran Islam Di Kelantan

Oleh: **Nurliyana Ahmed**

Sudah berkurun lama pentadbiran berasaskan Islam bermula iaitu sejak zaman Nabi Adam AS lagi. Nabi Adam AS merupakan utusan Allah dan juga manusia pertama yang bergelar khalifah. Baginda yang dimuliakan dan ditinggikan darjatnya dalam merealisasikan tugas sebagai khalifah. Dalam konteks kewujudan pelaksanaan kerajaan Islam, negeri Kelantan telah lama terkenal dengan kekuatan pengaruh Islam sejak zaman berzaman bahkan pemerintahan dan pentadbiran di negeri itu juga berlandaskan Islam.

Pentadbiran Islam di Kelantan secara sistematiknya bermula di bawah pemerintahan Sultan Muhammad I iaitu bermula pada tahun 1801 sehingga tahun 1837 selama 36 Tahun. Semasa pentadbiran baginda, guru-guru agama dilantik untuk mengajar agama terutama kepada kerabat-kerabat baginda, melantik hakim bagi memutuskan hukum berdasarkan undang-undang syarak dan adat Melayu yang tidak bertentangan dengan syarak dan mendirikan rumah-rumah wakaf di Mekah, Madinah dan Jeddah bagi masyarakat Kelantan khasnya dan seluruh umat Islam umumnya yang berangkat menunaikan ibadah Haji.

Selepas pentadbiran Sultan Muhammad I berakhir pada tahun 1837, Pentadbiran Islam di negeri Kelantan diteruskan oleh Sultan Muhammad II bermula pada tahun 1838 sehingga tahun 1886 dan merupakan pemerintahan yang paling lama iaitu selama 48 tahun. Baginda menyusun dan memperkemas lagi pentadbiran yang diwarisi daripada Sultan Muhammad I dalam pengendalian pentadbiran negeri dan pengadilan berdasarkan syariat Islam. Untuk merealisasikan syariat Islam di negeri Kelantan, baginda melantik Syed Ja'far Bin Syed Alwi sebagai hakim.



Setelah berakhir pemerintahan Sultan Muhammad II pada tahun 1886, Sultan Ahmad meneruskan lagi pentadbiran Islam di negeri selama empat tahun bermula pada tahun 1886 sehingga tahun 1890. Di zaman pemerintahan baginda, baginda meneruskan corak pemerintahan berdasarkan apa yang telah dilaksanakan oleh Sultan Muhammad II. Baginda telah menguatkuasakan undang-undang Islam kepada pesalah-pesalah jenayah beragama Islam seperti pencuri yang didapati bersalah dihukum potong tangan.

Kemudian, pentadbiran Islam di Kelantan diteruskan oleh Sultan Muhammad III selama setahun pada tahun 1890 sehingga tahun 1891. Baginda telah menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang syarak yang lebih sistematik dan berkesan. Baginda juga telah memastikan dasar dan undang-undang keadilan dalam guaman, jenayah dan harta pusaka berlandaskan hukum syarak. Baginda disebut antara beberapa orang sultan Kelantan yang ingin melihat undang-undang Islam diterapkan di mahkamah baik dalam bidang sivil mahupun jenayah.

Pentadbiran Islam di Kelantan diteruskan pula oleh Sultan Mansur pada tahun 1891 sehingga iaitu selama 9 Tahun selepas Sultan Muhammad III.

Baginda telah menubuhkan "Mahkamah Negeri Kelantan" dan melantik Syed Muhammad Bin Syed Alwi Bin Syed Yahya sebagai hakim. Baginda juga telah menguatkuasakan hukum hudud ke atas pencuri dan qisas ke atas pembunuh. Baginda mengenakan hukum takzir ke atas orang-orang yang tidak berpuasa dan perempuan berpakaian tidak menutup aurat.

Selepas itu, Sultan Muhammad IV mengambil alih pentadbiran Islam di Kelantan pada tahun 1900 sehingga tahun 1920 iaitu selama 20 Tahun. Baginda menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada tahun 1915. Baginda juga telah mendirikan banyak pondok pengajian agama untuk masyarakat mempelajari ilmu agama secara mendalam.

Kesimpulannya, pentadbiran berasaskan Islam bukanlah satu perkara baru di Kelantan tetapi telah diamalkan dan dilaksanakan lebih daripada 100 tahun sejak era pemerintahan Sultan Muhammad I dan mencapai kemuncaknya pada zaman Sultan Mansur.

Kursus Pemerkasaan Dakwah Halaqat

Kursus Pemerkasaan Dakwah Halaqat (Kursus Pengajaran Berkesan Kumpulan I) telah diadakan pada 17 Syaaban 1440H bersamaan 23 April 2019 di Dewan Gelanggang Seni, Kota Bharu. Seramai 102 peserta yang menghadiri kursus tersebut. Mereka terdiri daripada pengelola, pegawai dan pembantu Halaqat daripada empat kawasan Kota Bharu, Kubang Kerian, Pengkalan Chepa dan Tumpat. Kursus ini bermula dari jam 8.00 pagi sehingga jam 4.00 petang. Kursus ini terdiri daripada dua sesi iaitu sesi pagi dan petang.



Kursus Pemerkasaan Dakwah Halaqat (Kursus Pengajaran Berkesan Kumpulan II) telah berlangsung pada 13 Zulkaedah 1440H bersamaan 16 Julai 2019 di Markaz Tarbiyah PAS Tanah Merah (MATTAM), Tanah Merah. Seramai 123 orang peserta yang menghadiri kursus tersebut. Mereka terdiri daripada pengelola, pegawai dan pembantu Halaqat daripada empat kawasan Pasir Mas, Tanah Merah, Jeli dan Rantau Panjang. Kursus ini berlangsung dari jam 8.00 pagi sehingga jam 4.00 petang.



Kursus Pemerkasaan Dakwah Halaqat (Kursus Pengajaran Berkesan Kumpulan III) telah berlangsung pada 20 Zulkaedah 1440H bersamaan 23 April 2019 di Markaz Dewan Ulama (MADU), Machang. Seramai 85 orang peserta yang menghadiri kursus tersebut. Mereka terdiri daripada pengelola, pegawai dan pembantu Halaqat daripada tiga kawasan Machang, Kuala Krai dan Gua Musang.

Kursus Pemerkasaan Dakwah Halaqat (Kursus Pengajaran Berkesan Kumpulan IV) telah berlangsung pada 5 Zulhijjah 1440H bersamaan 6 Ogos 2019 di Raja Dagang Resort, Pasir Puteh. Seramai 85 orang peserta yang menghadiri kursus tersebut. Mereka terdiri daripada pengelola, pegawai dan pembantu Halaqat daripada tiga kawasan iaitu Pasir Puteh, Ketereh dan Bachok.





Kebersihan Itu Indah

Oleh: **Shafinaz Nazaruddin**

“Sesungguhnya Allah mencintai orang yang bertaubat dan orang yang membersihkan dirinya.”
(Surah al-Baqarah, ayat 222).

Islam sangat menitikberatkan tentang soal kebersihan. Sebagai seorang manusia, kebersihan itu merupakan suatu yang fitrah. Manusia sangat sukakan kebersihan, kecantikan dan keindahan, hatta haiwan sekalipun akan ada perasaan dalam dirinya yang mahukan kebersihan kerana bersih itu adalah fitrah.

Kebersihan adalah dasar kepada keperibadian seseorang. Bahkan ada mutiara kata Arab mengatakan bahawa “kebersihan adalah sebahagian daripada iman”. Kebersihan adalah asas kepada kesihatan. Islam amat menyukai orang yang cintakan kebersihan serta sentiasa menjaga kebersihan diri kerana sihat adalah suatu nikmat Allah SWT yang amat besar nilainya yang perlu dijaga dan dipelihara.

Kebersihan merangkumi dua perkara iaitu kebersihan luaran dan kebersihan dalaman. Kebersihan luaran atau fizikal ialah dengan membersihkan diri dari hujung rambut hingga hujung kaki. Cara untuk menjaga kebersihan adalah dengan membersihkan diri dengan air (mandi), memotong kuku, merapikan

rambut dan apa sahaja untuk kelihatan bersih dan kemas.

Manakala kebersihan dalaman seseorang pula adalah menjaga akhlak, tutur kata, hubungan dengan Allah dan menjaga diri dari sifat-sifat mazmumah yang mendekati diri seseorang dengan perkara keji dan mungkar seperti hasad dengki, sombong, bangga diri, riak dan seumpamanya. Melalui kebersihan rohani ini boleh menjadikan kita insan yang berakhlak mulia dan terpuji.

Hakikatnya, kita bukan saja dididik dengan kebersihan luaran, malahan kebersihan dalaman atau rohani juga. Firman Allah SWT, mafhumnya “Dan bersihkanlah pakaianmu dan jauhilah perbuatan yang kotor (dosa).”(Surah al-Muddathir, ayat 4-5). Amatlah penting bagi kita untuk membersihkan hati atau jiwa yang bersifat batiniah daripada terjerumus ke lembah neraka.

Betapa Allah SWT sangat suka dan kasih kepada orang yang selalu menitikberatkan akan soal kebersihan jasmani dan rohani dirinya. Allah suka kepada orang yang selalu bertaubat kepadaNya kerana orang yang memelihara diri mereka secara luaran dan dalaman akan dapat dilihat melalui perbuatannya yang menjaga kebersihan fizikal dan jiwa mereka.

Ini bermakna, setiap kali kita melakukan dosa, hati kita

akan merasa takut, terseksa, sedih dan putus asa dalam mengingati kejahatan diri yang dilakukan. Disitulah rahmat bagi orang beriman yang melakukan dosa. Dia sentiasa ingat untuk bertaubat, merayu dan memohon maaf kepada Allah, merintih dan menangis lalu dia mendekati diri serapat-rapatnya kepada Allah dan mengetuk pintu taubat setiap kali berbuat kesilapan.

Manusia yang beriman dan disukai Allah dengan menjaga kebersihan persekitaran luaran seperti menjaga penampilan dan kekemasan diri agar memberi keselesaan dan tidak menimbulkan fitnah kepada agama. Dari sudut yang sama, Seseorang itu juga mestilah sentiasa membersihkan hatinya supaya hati yang bersih itu akan dekat dengan Allah.

Islam telah mengajar kita untuk memelihara kebersihan dengan cara membersihkan ruang kerja, rumah, pejabat dan persekitaran kita agar bersih dan kemas kerana keadaan itu turut memberi keselesaan kepada diri sendiri dan orang lain. Islam menganjurkan umatNya agar sentiasa mengamalkan kebersihan dalam semua aspek yang melibatkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara kerana kebersihan boleh mendatangkan suasana yang tenang, kesihatan yang terjamin dan kesejahteraan yang berpanjangan.

Oleh itu, sejajar dengan kandungan perancangan strategik MMBI yang telah dirumuskan dalam tujuh aspek mercu tanda (Teras Kejayaan) dasar Membangun Bersama Islam, amalan kebersihan merupakan salah satu aspek utama yang perlu di ambil berat oleh rakyat Kelantan, secara tidak langsung dapat meringankan beban pihak kerajaan dalam memastikan kebersihan kawasan awam, mukim, kampung dan persekitarannya sentiasa terjaga dan seterusnya menjadikan negeri Kelantan sebuah negeri yang bersih.

Islam telah menggariskan panduan terbaik buat umatNya dalam soal kebersihan. Bukan garis panduan biasa, malah dibekalkan dengan ganjaran pahala sebagai bekalan akhirat. Marilah kita sama-sama menghayati dengan mendalam erti kebersihan yang sebenar untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian kita.



12 Muharram 1441H / 12 September 2019

Forum Kitab Bulugh Al-Maram telah diadakan pada 12 Muharram 1441H bersamaan 12 September 2019 bertempat di Masjid Al-Ikhlas Pasir Lada, Pasir Hor. Dua orang panel dan seorang moderator yang menyempurnakan forum tersebut ialah Ustaz Dato' Dr. Abdul Basit Bin Hj. Abdul Rahman (Pensyarah KIAS) dan Prof. Madya Dr. Mohd Muhiden Bin Abdul Rahman (Pensyarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) manakala moderatornya ialah Ustaz Haji Abdul Fatah Bin Jaafar (Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta).



13 Safar 1441H / 12 Oktober 2019

Forum Merakyatkan Membangun Bersama Islam bagi Dun Chempaka telah diadakan pada 13 Safar 1441H bersamaan 12 Oktober 2019 bertempat di Masjid al-Karamah, Mukim Baung Besar, Pengkalan Chepa. Forum ini disempurnakan oleh dua orang panel dan seorang moderator iaitu YB Ustaz Ahmad Fathan Bin Mahmood (panel I) dan YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat (Panel II) manakala Dr. Abdullah Sudin Bin Abd Rahman sebagai moderator.



13 Safar 1441H / 12 Oktober 2019

Seminar Merakyatkan Membangun Bersama Islam bagi Dun Chempaka telah diadakan pada 13 Safar 1441H bersamaan 12 Oktober 2019 bertempat di Masjid al-Karamah, Mukim Baung Besar, Pengkalan Chepa. Seminar ini disertai oleh Imam & AJK masjid-masjid dan surau-surau DUN Chempaka, Halaqat Kawasan, dan pelajar-pelajar Kolej Teknologi Darulnaim (KTD). Program dimulakan dengan slot yang pertama yang disampaikan oleh YBhg Dato' Dr. Johari Bin Mat merangkumi tajuk Konsep Berasaskan Islam, Sejarah Pentadbiran Islam di Negeri Kelantan, Pentadbiran Negeri Kelantan pada tahun 1990 sehingga kini, Dasar Membangun Bersama Islam dan Konsep 'Ubudiyah manakala slot kedua disempurnakan oleh Ustaz Mohd Fadli Bin Sulaiman bertajuk Konsep Mas'uliyah dan Konsep Itqan.



12 Rabiul Awal 1441H / 9 November 2019

Seminar Merakyatkan Membangun Bersama Islam Dun Chetok telah diadakan pada 12 Rabiul Awal 1441H bersamaan 9 November 2019 di Kompleks Tarbiyah, Chetok (KOMTIK). Seminar ini disertai oleh Imam & AJK masjid dan surau, Halaqat kawasan, ahli penghulu dan ahli Ladang Rakyat. Program dimulakan dengan slot yang pertama yang disampaikan oleh YBhg Dato' Dr. Johari Bin Mat merangkumi tajuk Konsep Berasaskan Islam, Sejarah Pentadbiran Islam di Negeri Kelantan, Pentadbiran Negeri Kelantan pada tahun 1990 sehingga kini, Dasar Membangun Bersama Islam dan Konsep 'Ubudiyah manakala slot kedua disempurnakan oleh Ustaz Mohd Fadli Bin Sulaiman bertajuk Konsep Mas'uliyah dan Konsep Itqan.



12 Rabiul Awal 1441H / 9 November 2019

Forum Merakyatkan Membangun Bersama Islam bagi Dun Chetok telah diadakan pada 12 Rabiul Awal 1441H bersamaan 9 November 2019 bertempat di Masjid Ar-Rahman Hujung Galok. Forum ini disempurnakan oleh dua orang panel dan seorang moderator iaitu YB Zuraidin Bin Abdullah (panel I) dan YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat (Panel II) manakala Dr. Abdullah Sudin Bin Abd Rahman sebagai moderator.



25 Syaaban 1440H / 30 Mei 2019

YBhg Dato' Pengarah menyampaikan cenderamata tanda kenang-kenangan kepada Pegawai Unit Latihan, En. Abdul Haiy Bin Abd Halim pada hari terakhir perkhidmatan beliau di IPTG.



27 Syawal 1440H / 01 Julai 2019

Tahniah diucapkan buat En. Mohd Hafizi Bin Mahadi, Penolong Pengarah IPTG dan isteri diatas kelahiran cahaya mata.

27 Syawal 1440H / 01 Julai 2019

Majlis Penyerahan Koleksi Album Keratan Akhbar Tok Guru sebanyak 14 buah oleh Ustaz Hj. Nordin Bin Ismail kepada YBhg Dato' Pengarah.



15 Zulkaedah 1440H / 18 Julai 2019

Tahniah diucapkan buat En. Mohd Yusoff Bin Kamaruzaman, Pembantu Tadbir dan isteri diatas kelahiran cahaya mata.



09 Syawal 1440H / 13 Jun 2019

Pameran Gambar Tok Guru sempena Rumah Terbuka PAS Kelantan sempena aidifitri 1440H di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa.



06 Safar 1441H / 05 Oktober 2019

Pameran Gambar Tok Guru sempena Hari As-Sabiqun Malaysia.



09 Muharram 1441H / 09 September 2019

Y Bhg Dato' Dr. Pengarah IPTG menyampaikan cenderamata kepada pentashih Kitab Tafsir Tok Guru ketika Majlis Makan Tengahari bersama Pengarah IPTG di Restoran Hadramawt Town, Pengkalan Chepa.

Kunjung Hormat



8 Syaaban 1440H / 14 April 2019

Dato' Kaya Bakti Dr. Mohd Radzi Othman, Rektor Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Dr. Jihan Ahmad, (Timbalan Rektor KUIPs) Pn. Rohana Zainol, (Pendaftar KUIPs), dan En. Aizat Suhrawady KUIPS.



10 Syaaban 1440H / 16 April 2019

Pusat Tuisyen Dinamis, Madrasah Tha-it Suska, Latifudden, Ayuthayya Bangkok dan Lalor Vitya School, Saiburi Pattani.



18 Syaaban 1440H / 24 April 2019
Wakil rombongan daripada Pertubuhan Pembangunan Pendidikan Islam Sabah (PISA) & Badan Kebajikan Petronas Labuan sempat singgah ke IPTG bersempena lawatan mereka Ke Kelantan.



17 Zulhijjah 1440H / 18 Ogos 2019
Al-Fadil Sheikh Wan Syukri Al-Fathoni dari Majlis Ilmi Dumyat City.



4 Muharram 1441H / 4 September 2019
Professor Emiretus Dr. Martin Van Bruinessen & Dr. Zoltan Pall telah membuat penyelidikan tentang "Gerakan Pembaharuan Di Nusantara."

تاهون ملاوت كلنتن



T M K 2020

TAHUN MELAWAT KELANTAN